

Penyelidikan perlu diberi keutamaan

SH 19/07/08 PS 719

KUALA TERENGGANU

Produk penyelidikan komersil oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) masih baru di negeri ini kerana fokus negeri lebih banyak berkait dengan bidang pelancongan.

Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains, Teknologi dan Sumber Manusia Negeri, Ahmad Razif Abdul Rahman, berkata bidang penyelidikan perlu diberi keutamaan sesuai dengan matlamat dan tujuan sesebuah universiti.

Katanya, di negeri ini, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) banyak menghasilkan penyelidikan berbentuk komersil yang mampu memberi pendedahan pasaran kerja yang berkualiti kepada pelajar.


"UMT mempunyai penyelidikan tersendiri dan kita mendapati sudah ada pensyarah dan penyelidik di universiti tersebut mendapat anugerah yang menunjukkan kualiti terbaik dalam bidang penyelidikan," katanya kepada Sinar Harian semalam.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kerajaan memperuntukkan RM200 juta menerusi Skim Geran Penyelidikan Fundamental (PFGS) bagi menggalakkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) di IPTA.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dr Hou Kok Chung berkata, sebanyak 54 produk R&D IPTA berjaya dikomersilkan, 64 produk sedang dalam proses dikomersilkan manakala 242 lagi berpotensi ke arah itu.

Ahmad Razif berkata, bidang penyelidikan akan memberikan satu perubahan yang baik kepada sesebuah IPTA bagi mempromosikan lagi IPTA itu untuk mencapai tahap terbaik dan gemilang di pelbagai peringkat.

 Katanya, ia juga turut memberikan kesan yang bagus untuk memajukan dan memperkembangkan lagi bidang pendidikan di negeri ini di samping impak memberi impak yang baik kepada pembangunan negeri.

 **UMT mempunyai penyelidikan tersendiri dan kita mendapati sudah ada pensyarah dan penyelidik di universiti tersebut mendapat anugerah yang menunjukkan kualiti terbaik dalam bidang penyelidikan.** 

Diberi Keutamaan



AHMAD RAZIF ABDUL RAHMAN

■ Ahmad Razif Abdul Rahman